

Jenis Akhbar : Utusan Borneo Sabah

Tarikh : 05/09/2019

Edisi / Muka Surat : Sabah / 17

Tajuk : ANGKASA sedia kerjasama dengan pemaju bina rumah mampu milik

ANGKASA sedia kerjasama dengan pemaju bina rumah mampu milik

KUANTAN: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) bersedia menjalin kerjasama dengan pemaju perumahan yang berkredibiliti bagi membina lebih banyak rumah mampu milik.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah menyifatkan kerjasama itu bersesuaian dengan hasrat ANGKASA mahu memenuhi keperluan kira-kira enam juta ahlinya memiliki kediaman sendiri di bawah program MyAngkasa Home.

“Koperasi di bawah ANGKASA kebanyakannya memiliki tanah untuk dibangunkan di pinggir atau di luar bandar yang kita boleh tawarkan kepada pemaju perumahan untuk sama-sama membangunkan tanah itu.

“Apa yang penting adalah pemaju

perumahan terlibat boleh memberikan harga kompetitif kepada ahli koperasi untuk membelinya,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Projek Usahasama Merdeka Residensi di sini, semalam.

Merdeka Residensi merupakan projek pembinaan pangsapuri servis setinggi 32 tingkat di sini, yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dengan jangkaan siap dalam tempoh tiga tahun.

Projek itu yang antara lain melibatkan pembinaan enam unit pejabat, enam unit kedai dan 361 unit kediaman serta tempat letak kereta bertingkat merupakan usahasama MyAngkasa Bina, JY Creative Development Sdn Bhd dan Rangkaian Delima Sdn Bhd. — Bernama

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA